

Ribuan ikan mati timbul tanda tanya

SH 24/6/2021 MS: 25

Berkemungkinan berpunca
akibat pencemaran sungai

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN
TAHIR dan ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Pelbagai spesies ikan ditemui mati dihanyutkan air di Sungai Damansara berhampiran Seksyen 13 di sini menjadi tanda-tanya orang ramai selepas video mengenai kejadian itu tular di laman Facebook pada Rabu.

Menerusi status dan video yang dimuat naik seorang pemilik akaun Facebook, Fiqri Hero memaklumkan, terdapat pelbagai spesies ikan ditemui mati berkemungkinan disebabkan pencemaran di sungai itu.

“Kalau kes pencemaran air (sungai) ini kita hendak laporkan kepada siapa (pihak mana)? Banyak spesies ikan ditemui mati, saya sempat rekod kerana ada urusan lain,” katanya.

Status itu menerima pelbagai reaksi, komen dan perkongsian dalam kalangan pemilik akaun Facebook lain.

Seorang pemilik akaun di dalam ruangan komen meminta perkara itu seharusnya dipandang serius pihak berwajib.

“Tolong pantau kilang buang sisa tok-sik di sungai ini dan jangan asyik tunggu rakyat sahaja membuat laporan,” katanya.



Tular kejadian pelbagai spesies ikan ditemui dihanyutkan air di Sungai Damansara berhampiran Seksyen 13 Shah Alam pada Rabu.

Dalam pada itu, *Sinar Harian* turut mendapatkan pengesahan daripada Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor, Nor Aziah Jaafar berhubung kejadian itu.

Nor Aziah berkata, pihaknya menerima panggilan aduan daripada orang awam berhubung penemuan bangkai ikan di sungai itu kira-kira jam 2 petang Rabu.

“JAS Selangor telah menghantar pasukan ke lokasi berkenaan dan buat masa ini siasatan masih dijalankan,” katanya.